



Lembaga Minyak Sawit Malaysia  
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

Bil. Tuan / Your Ref.:

Bil. Kami / Our Ref.: (3)04/ C/656/2 Jil. 3

HARI BERTEMU PELANGGAN  
SETIAP JUMAAT MINGGU KE-3 SETIAP BULAN  
Tempat: Tingkat 4, Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan  
Wisma Sawit, MPOB Kelana Jaya  
Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh. &  
3.00 ptg. - 4.00 ptg.

15 Julai 2016

**Pk (EL) MPOB 03/2016**

Semua Pemegang Lesen Kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit  
Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit

Tuan

**PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT DAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang pihak tuan sedia maklum, Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah diwartakan dan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2006. Penguatkuasaan peraturan ini adalah termasuk syarat lesen yang dikenakan ke atas setiap kategori yang dinyatakan dalam lesen sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 peraturan yang sama dan juga apa-apa syarat yang dikenakan oleh Lembaga dari semasa ke semasa.

3. Mesyuarat Lembaga kali ke-87 yang telah diadakan pada 7 Disember 2015 telah memutuskan untuk meminda syarat lesen sedia ada bagi kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit dan Kilang Buah Kelapa Sawit. Sehubungan dengan itu, Lembaga mengambil ketetapan untuk menguatkuasakan syarat lesen yang dikenakan ke atas kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit dan Kilang Buah Kelapa Sawit seperti yang diperincikan di dalam **Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2016 [Pk (EL) MPOB 03/2016] mulai 15 Ogos 2016.**


Jabatan Pendaftaran dan Pelesenan  
Wisma Sawit

Lot 6, S56, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 • Faks: 603-78034014 • 78061485 • <http://www.mpob.gov.my>  
KEMENTERIAN PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI, MALAYSIA

4. Pihak tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan sebagaimana Jadual Keenam, Peraturan 21 Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2016 [Pk (EL) MPOB 03/2016] untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan MPOB.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**Ketua Pengarah  
MPOB**

- s.k.
- i. Setiausaha Eksekutif MPOA
  - ii. Setiausaha Eksekutif POMA
  - iii. Setiausaha Eksekutif MOPDA
  - iv. Setiausaha Eksekutif MEOMA
  - v. Setiausaha Eksekutif PORAM
  - vi. Setiausaha Eksekutif EMPA
  - vii. Setiausaha Eksekutif SOPPOA
  - viii. Setiausaha Eksekutif NASH



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

Rujukan Pekeliling : Pk(EL)MPOB 03/2016  
Tarikh Kuatkuasa : 15 Ogos 2016  
Perkara : **PENGUATKUASAAN PINDAAN SYARAT LESEN YANG  
DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN DALAM  
KATEGORI PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT (DF) DAN  
KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MF)**

## 1.0 TUJUAN

Untuk memaklumkan penguatkuasaan pindaan syarat lesen ke atas pemegang lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) bagi aktiviti membeli, mengalih dan menjual buah kelapa sawit.

## 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Industri kelapa sawit Malaysia telah dikenalpasti sebagai salah satu punca utama yang boleh menyumbang secara berterusan kepada ekonomi Malaysia, antaranya ialah dengan meningkatkan produktiviti dan kecekapan kadar perahan minyak (OER) ke paras optimum sebanyak 23% menjelang tahun 2020.
- 2.2 Bagi memastikan industri kelapa sawit Malaysia terus berkembang maju dan berdaya saing, semua pihak dalam rangkaian pengeluaran minyak sawit hendaklah berusaha dan komited untuk meningkatkan kualiti pengeluaran buah kelapa sawit dan minyak sawit Malaysia. Seajar dengan aspirasi tersebut, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menguatkuasakan penggredan ke atas buah kelapa sawit yang diterima atau dibeli berdasarkan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB (Edisi 2003).
- 2.3 Penguatkuasaan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit ini ke atas kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) telah dijalankan seawal tahun 2003.
- 2.4 Selaras dengan perkembangan industri kelapa sawit Malaysia, satu kajian telah dilaksanakan di lapangan. Hasil daripada kajian serta konsultasi bersama industri, suatu pendekatan telah diambil dengan memutuskan bahawa Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit ini perlu disemak dan dipinda.
- 2.5 Sehubungan dengan itu, syarat lesen sedia ada perlu dipinda supaya Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015) mempunyai kuat kuasa undang-undang dan hendaklah dilaksanakan bagi memastikan

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

penguatkuasaan penggredan ke atas buah kelapa sawit yang diterima atau dibeli dilakukan berdasarkan Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015) secara menyeluruh dalam industri kelapa sawit dan memberi impak yang maksima.

- 2.6 Susulan daripada itu, Mesyuarat Lembaga kali ke-87 yang telah diadakan pada 7 Disember 2015 telah memutuskan untuk meminda syarat lesen sedia ada yang dikenakan ke atas kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) bagi aktiviti membeli, mengalih dan menjual buah kelapa sawit.

### **3.0 PENGUATKUASAAN SYARAT LESEN**

- 3.1 Lembaga akan menguatkuasakan syarat lesen bagi pemegang lesen dalam kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) seperti berikut:

#### **3.1.1 Pindaan syarat**

Syarat lesen sedia ada:

Pemegang lesen yang membeli atau menerima bekalan buah kelapa sawit dilarang daripada membeli atau menerima buah kelapa sawit muda. Definisi buah kelapa sawit muda adalah seperti yang dinyatakan dalam Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB (Edisi 2003).

Syarat lesen selepas pindaan:

Pemegang lesen yang membeli atau menerima bekalan buah kelapa sawit dilarang daripada membeli atau menerima buah kelapa sawit muda. Definisi buah kelapa sawit muda adalah seperti yang dinyatakan dalam **Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015)**.

Bersama ini dilampirkan senaskah "Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015)".

- 3.2 Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang tidak mematuhi atau melanggar syarat-syarat lesen yang dikenakan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN  
PEKELILING PENGUATKUASAAN (PELESENAN) MPOB**

**4.0 PEMAKAIAN**

Pekeliling Penguatkuasaan (Pelesenan) MPOB 03/2016 [Pk (EL) MPOB 03/2016] adalah terpakai kepada pemegang lesen kategori Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) dan Kilang Buah Kelapa Sawit (MF).

**5.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling penguatkuasaan ini berkuatkuasa mulai **15 Ogos 2016**.

**6.0 PENGESAHAN & KELULUSAN**

**Ketua Pengarah  
MPOB**

**Tarikh:** 15/7/16

**JABATAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN  
WISMA SAWIT**

Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran, 47301 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia. Peti Surat 8073, 46781 Kelana Jaya, Selangor, Malaysia.  
Telefon: 603-78035544 . Faks:603-78034014 603-78061485 . <http://www.mpob.gov.my>